

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN PENUTUP**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini membuat kesimpulan terhadap hasil kajian dengan memberi tumpuan terhadap pencapaian objektif dan sejauh mana ia telah dipenuhi. Sebagaimana yang telah dibincangkan pada awal bab pertama, tujuan kajian ini ialah untuk menjawab tiga persoalan kajian mengenai strategi pembelajaran bagi pelajar-pelajar bahasa Jepun di UiTM Shah Alam. Fokus kajian berkisar kepada tiga variabel iaitu strategi pembelajaran, pencapaian pelajar dan motivasi.

Persoalan kajian yang pertama ialah apakah strategi-strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar bahasa Jepun di UiTM dan kekerapannya. Persoalan kedua yang perlu dijawab ialah terdapatkah hubungkait strategi pembelajaran bahasa dengan

pencapaian pelajar dan jika ada apakah kaitannya. Persoalan ketiga ialah bagaimanakah strategi pembelajaran bahasa berkait dengan motivasi pelajar.

Strategi pembelajaran tersebut ialah strategi memori, kognitif, gantian, metakognitif, sosial dan afektif. Motivasi pula adalah dari perspektif keseluruhan, integratif dan instrumental.

Di samping berkisar dari hasil dapatan kajian, bagi tujuan penambahbaikan terhadap kajian yang telah dijalankan, turut dibincangkan juga beberapa aspek yang perlu diambil perhatian untuk kajian di masa hadapan. Untuk itu bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu perbincangan dapatan, implikasi dapatan dan kajian lanjutan.

## **5.1 Perbincangan Dapatan**

### **5.1.1 Jawapan kepada soalan kajian 1: Apakah strategi-strategi pembelajaran bahasa yang digunakan dan kekerapannya.**

Hasil dari kajian ini, didapati pelajar-pelajar bahasa jepun di UiTM menggunakan keenam-enam strategi yang di kemukakan pada tahap kadang-kadang(sederhana). Tidak ada satu pun strategi pembelajaran yang kerap digunakan secara menonjol. Kadar kekerapan yang diaplikasikan pelajar hanyalah dalam lingkungan kerap kali dan kadang-kadang. Kelihatannya seperti pelajar-pelajar tidak menggunakan mana-mana satu strategi secara dominan. Pelajar-pelajar cenderung menggunakan semua strategi tanpa memikirkan keistimewaan setiap strategi atau kesesuaian strategi untuk digunakan dalam pembelajaran bahasa Jepun.

#### **5.1.1.1 Penggunaan strategi pembelajaran**

Kedudukan kekerapan penggunaan strategi-strategi pembelajaran ini mengikut strategi yang paling kerap digunakan hingga yang paling kurang digunakan adalah seperti

berikut: 1) Strategi metakognitif ( $\text{min}=3.48$ ) , 2) Strategi Sosial (3.46), 3) Strategi Memori ( $\text{min}=3.30$ ), 4) Strategi Kognitif ( $\text{min}=3.22$ ), 5) Strategi Afektif ( $\text{min}=3.11$ ) dan 6) Strategi Gantian ( $\text{min}=3.06$ ).

Menurut Oxford (1990), kebiasaannya pelajar bahasa asing menggunakan 15% strategi pembelajaran pada frekuensi yang tinggi, 72% pada frekuensi sederhana dan 13% pada frekuensi yang rendah. Dapatan tersebut bertepatan dengan kajian ini di mana hampir kesemua strategi pembelajaran digunakan pada tahap yang sederhana dengan strategi pembelajaran metakognitif di tahap yang tertinggi dan strategi pembelajaran gantian pada tahap yang terendah.

#### **5.1.2 Jawapan kepada soalan kajian 2 : Terdapatkah hubungkait antara strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian pelajar dan jika ada apakah kaitannya.**

Seterusnya dengan menggunakan korelasi Pearson  $r$ , hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungkait yang lemah tetapi signifikan di antara lima (5) strategi pembelajaran dengan pencapaian pelajar secara keseluruhannya. Korelasi Pearson  $r$  di antara strategi pembelajaran dengan pencapaian mengikut pemeringkatan adalah seperti berikut: 1) Strategi Metakognitif 2) Strategi Kognitif 3) Strategi Sosial 4) Strategi Memori dan 5) Strategi Afektif. Walaubagaimanapun hubungkait antara strategi gantian dan gred pembelajaran adalah tidak signifikan. Sekali lagi didapati bahawa hubungkait strategi pembelajaran metakognitif dan pencapaian pelajar terletak di tahap yang teratas manakala strategi pembelajaran gantian masih di tahap yang paling bawah sekali.

Dapatan tersebut juga selaras dengan dapatan beberapa kajian lepas seperti dapatan kajian Mohammed Darabie (2000) dan dapatan kajian berbentuk eksperimen oleh Kincannon, Gleber dan Kim (1999) yang melaporkan hubungan yang positif antara metakognisi dengan pencapaian.

Tidak dapat dinafikan bahawa kesedaran metakognisi memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran seseorang. Seperti yang didakwa oleh Flavell (1979) yang mempersoalkan bahawa agak sukar untuknya mempercayai bahawa pelajar yang membuat lebih pemantauan kognitif tidak mendapat keputusan yang lebih baik berbanding pelajar yang tidak. Beliau juga mencadangkan bahawa usaha meningkatkan kuantiti dan kualiti pengetahuan metakognitif dan kemahiran pemantauan di kalangan pelajar merupakan langkah yang baik dan boleh dilakukan.

Brown (1978) juga turut menyokong peranan metakognisi. Beliau mendakwa apa yang dirujuknya sebagai kemahiran metakognitif seperti menyemak, memantau, merancang dan meramal merupakan ciri asas bagi pemikiran yang efisien. Menurutnya, pembelajaran yang aktif dapat mengawal dan memperbaiki tindakan pelajar bagi keputusan pembelajaran mereka (Brown 1987). Jelas disini bahawa keputusan kajian ini menyokong teori-teori yang mencadangkan kepentingan kesedaran metakognisi dalam proses pembelajaran. Oleh itu, peningkatan kemahiran metakognisi patut digalakkan di kalangan pelajar universiti bagi meningkatkan kualiti dan hasil pembelajaran yang baik di kalangan mereka.

### **5.1.3 Jawapan kepada soalan kajian 3 . Bagaimanakah strategi pembelajaran bahasa berkait dengan motivasi pelajar.**

Bagi analisa hubungkait antara strategi pembelajaran dengan motivasi secara keseluruhannya terdapat hubungkait yang agak kuat. Kedudukan pemeringkatan mengikut yang paling tinggi hingga yang paling bawah adalah seperti berikut: 1) Strategi metakognitif 2) Strategi Kognitif 3) Strategi Sosial 4) Strategi Memori 5) Strategi Afektif dan akhir sekali 6) Strategi Gantian. Sekali lagi strategi metakognitif adalah yang paling terkuat hubungannya dengan motivasi pelajar, manakala strategi gantian adalah yang paling lemah kaitannya dengan motivasi pelajar.

Pelajar-pelajar di dalam kajian ini mempunyai min motivasi jenis instrumental (4.9) yang mengatasi motivasi integratif (3.10). Walaubagaimanapun korelasi strategi pembelajaran dengan motivasi integratif adalah lebih kuat dan signifikan jika dibandingkan dengan korelasi instrumental. Gardner (1985) menyatakan pelajar yang mempunyai motivasi jenis integratif lebih berjaya dalam pembelajaran bahasa asing berbanding pelajar yang mempunyai motivasi jenis instrumental.

Pelajar-pelajar ini adalah pelajar yang berjaya. Ini dibuktikan apabila 51.4% pelajar bagi kod BJP 401 mendapat cemerlang (memperolehi nilai gred 3.67 atau 4.00), di ikuti oleh 38.9% yang mendapat kepujian (memperolehi nilai gred 2.67, 3.00, atau 3.33) dan yang paling sedikit hanya sekadar lulus (memperolehi nilai gred 2.00 atau 2.33) ialah 6% sahaja. Manakala bagi kod kursus BJP 451 pula sebanyak 55.1% mendapat cemerlang, 34.7% mendapat kepujian dan hanya 6% sahaja yang hanya sekadar lulus sahaja.

Sebagai pelajar universiti, pelajar di kategorikan sebagai individu dewasa yang harus menyedari bahawa belajar adalah tanggung jawab mereka sendiri. Walaupun mereka tidak diajar secara formal tentang bagaimana mereka harus belajar, mereka mestilah pandai menyesuaikan teknik-teknik yang terbaik supaya pembelajaran lebih mudah dan efektif. Permasalahan timbul apabila pelajar tidak menyedari tentang kepelbagaiannya strategi dalam pembelajaran dan hanya menggunakan teknik-teknik yang mudah dan biasa bagi mereka. Pelajar-pelajar sering tidak membuat penilaian semula samada teknik yang sering digunakan mereka berhasil atau berkesan terhadap pencapaian dalam akademik.

Strategi metakognitif merupakan penyumbang yang penting ke atas variasi dalam pencapaian. Hubungan yang kuat antara strategi metakognitif dengan motivasi menunjukkan kepentingan kedua-dua variabel tersebut ke atas pencapaian. Kemungkinan wujudnya hubungan tidak langsung antara motivasi dengan pencapaian melalui pembolehubah metakognisi yang diperkatakan oleh Van Zile-Tamsen, (1998) dan Covington, (2000) jelas dibuktikan oleh dapatan kajian ini.

Kesimpulan ini menegaskan bahawa kepentingan memberi tumpuan kepada kedua-dua variabel iaitu motivasi dan kesedaran metakognitif dalam usaha untuk membantu pelajar mempertingkatkan hasil pembelajaran mereka. Pelajar perlu dibantu memperkembangkan kebolehan metakognitif mereka. Mereka juga seharusnya sedar tentang matlamat pembelajaran (motivasi) mereka dan bagaimana ia boleh mempengaruhi tingkah laku mereka dalam aktiviti pembelajaran. Walaubagaimanapun mempunyai motivasi yang baik belum mencukupi jika pelajar tidak mempunyai kemahiran atau kesedaran metakognitif yang mencukupi. Pada masa yang sama,

mempunyai kemahiran metakognif yang tinggi sahaja juga belum mencukupi jika tidak mempunyai tahap motivasi yang mencukupi.

Hasil dari kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan wujud keperluan untuk membuat kajian lanjut serta terperinci ke atas kesan strategi metakognitif dan strategi gantian terhadap gred pencapaian. Ini disebabkan oleh dapatan yang memperlihatkan penggunaan strategi metakognitif dan strategi gantian yang berbeza di mana dalam strategi pembelajaran, strategi metakognitif menunjukkan min yang tertinggi, manakala strategi gantian menghasilkan min yang terendah. Begitu juga bagi hasil hubungkait antara strategi pembelajaran dengan pencapaian di mana strategi metakognitif menunjukkan hubungkait yang signifikan dan yang tertinggi, manakala hubungkait strategi gantian dan pencapaian pula menunjukkan tidak ada hubungkait di antara keduanya dan ianya tidak signifikan. Begitu juga bagi hubungkait antara strategi pembelajaran dan motivasi di mana strategi metakognif mempunyai hubungkait yang paling kuat dan strategi gantian adalah yang paling lemah.

## **5.2 Implikasi dapatan**

Kajian ini memberikan beberapa pengetahuan mengenai strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar bahasa jepun di UiTM, pencapaian pelajar dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Jepun dan hubungkait kedua-dua variabel yang terkemudian itu dengan strategi pembelajaran. Kajian ini mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung kepada pelajar. Bagi pensyarah-pensyarah pula, dapatan ini akan memberi sedikit gambaran tentang penggunaan beberapa pendekatan supaya dapat menggalakkan penggunaan strategi pembelajaran kepada pelajar. Begitu juga kepada polisi pembelajaran bahasa Jepun khasnya, ia memberi gambaran tentang beberapa aspek implementasi dan penilaian subjek ini.

### **5.2.1 Implikasi kepada pelajar**

Didapati bahawa pelajar-pelajar menggunakan kesemua ke enam-enam strategi yang disarankan dalam *Oxford taxonomy*. Memandangan subjek kajian adalah pelajar bahasa Jepun ‘permulaan’ dan secara tradisinya belajar dalam persekitaran yang kurang menggalakkan (*poor input environment*), dapatan ini tidaklah sesuatu yang menghairankan. Dengan dikelilingi oleh penutur yang bukan natif, pelajar-pelajar ini jarang atau tidak langsung didedahkan dengan peluang-peluang bagi menggunakan bahasa sasaran (bahasa asing yang dipelajari) di luar kelas mahupun di dalam kelas sebagai latihan komunikasi. Mereka kurang bermotivasi untuk menggunakan strategi pembelajaran kerana bahasa sasaran yang dipelajari bukanlah satu bahasa yang mendesak kepentingannya di dalam kehidupan mereka.

Dari hasil data yang dikumpul didapati pelajar lebih suka menggunakan strategi pembelajaran metakognitif. Seperti apa yang telah dipaparkan di awal bab ini, prestasi pelajar-pelajar ini adalah amat membanggakan. Ini bersesuaian dengan jenis motivasi yang ada pada kebanyakan pelajar bahasa Jepun di UiTM yang bermotivasi instrumental. Mereka lebih mementingkan realiti kehidupan di mana pencapaian yang baik dalam bahasa asing akan memperbaiki status kehidupan mereka. Dalam banyak keadaan, pelajar yang baik adalah pelajar yang ada pendekatan sendiri (*self-accessed*) dan pelajar yang berdikari. Menurut O’Mally & Chamot (1990), pelajar yang tidak ada pendekatan metakognitif adalah pelajar-pelajar yang tidak ada arah dan kebolehan menyelia kemajuan mereka sendiri dan tidak ada halatuju masa depan dalam pembelajaran. Tidak hairanlah mengapa strategi pembelajaran metakognitif mendapat tempat di kalangan pelajar-pelajar ini.

Dalam strategi metakognitif ini, tingkahlaku yang paling penting ialah bagaimana mentadbir diri sendiri. Pelajar-pelajar ini akan menumpukan sepenuh perhatian di dalam kelas, mengulangkaji dan mengingati perkataan-perkataan baru dan dalam pada waktu yang sama akan menyelesaikan setiap kebuntuan pembelajaran di dalam kelas juga. Mereka juga ada kekuatan kendiri di dalam dan di luar kelas. Ini bukan bermakna strategi yang lain tidak berkesan. Kemungkinan pelajar menggunakan mengikut penyesuaian aktiviti yang diterima oleh mereka. Dapatan ini juga menunjukkan pelajar bahasa Jepun UiTM memilih untuk menguasai bahasa asing di dalam kelas yang formal.

Pelajar tidak banyak menggunakan strategi gantian kerana mungkin pelajar ini tidak tercabar dalam pembelajarannya. Ujian-ujian yang dijalankan adalah dalam bertuk terkawal (*structured*). Pelajar diuji dengan daftar kata dan struktur ayat yang dipelajari yang berkisar pada apa yang ada di dalam buku teks sahaja. Aktiviti seperti menulis karangan atau menulis skrip sketsa sangat berkurangan dan tidak ditekankan di kalangan pelajar-pelajar ini. Sebenarnya melalui aktiviti karangan minda pelajar bebas menggunakan daftar kata dan klosa ayat dalam skop pembelajaran yang mereka lalui. Strategi gantian akan dapat digunakan dengan optimum melalui aktiviti ini. Strategi ini merupakan strategi komunikasi di mana pelajar menggunakan imaginasi, meneka makna, dan mencari sinonimi makna perkataan. Strategi ini tidak sesuai untuk pembelajaran yang bertujuan untuk peperiksaan atau dengan lebih tepat lagi kepada pelajar yang mempunyai motivasi instrumental yang mementingkan imbuhan lebih dari mengenali budaya bahasa sasaran.

Pelajar-pelajar yang tidak mahir (pandai) perlu selalu menggunakan strategi gantian kerana mereka kerap menghadapi kebuntuan (*knowledge roadblocks*) berbanding

dengan individu yang mahir dalam bahasa itu (Oxford 1990). Ternyata pelajar-pelajar dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar yang pandai dan strategi gantian tidak popular di kalangan mereka.

Terdapat satu aliran corak hubungkait strategi pembelajaran yang digunakan dengan pencapaian dan motivasi pelajar. Didapati strategi metakognitif mempunyai pemeringkatan hubungkait yang tertinggi sebaliknya strategi gantian merupakan pemeringkatan hubungkait yang terendah. Keseluruhan senario ini menggambarkan pendekatan strategi pembelajaran bahasa Jepun oleh pelajar-pelajar. Ini mungkin disebabkan faktorkekangan dari kekurangan pengisian (*poor input*) bahasa asing, jam kuliah yang diperuntukan, desakan dari subjek-subjek lain yang merupakan subjek teras, syarat-syarat lulus peperiksaan dan cara penilaian dibuat ke atas subjek ini.

Oleh sebab itu sebagai pelajar Institut pengajian tinggi, pelajar menggunakan pendekatan strategi metakognitif yang memerlukan kebijaksanaan merancang, menyusun dan menilai sendiri pembelajaran. Sebaliknya strategi gantian tidak begitu popular di kalangan pelajar-pelajar ini kerana strategi gantian memerlukan kreativiti untuk mengisi dan meneka infomasi yang kurang lengkap. Kemungkinan pelajar tidak mahir menggunakan strategi ini kerana persekitaran yang tidak memberangsangkan (*poor input environment*) bagi mereka yang boleh membantu mereka meneka-neka dalam kesamaran. Tambahan pula pelajar-pelajar ini adalah pelajar ‘permulaan’ yang mempunyai tabung kosa kata yang sedikit. Pelajar-pelajar ini tidak pakar dalam kemahiran meneka (*guessing*) makna. Kepada pengkaji-pengkaji bahasa apabila menyebut tentang strategi gantian, maka ianya sinonimi dengan kemahiran komunikasi. Kemungkinan strategi ini sesuai bagi individu yang ada latar belakang ‘bahasa sasaran’

dan belajar untuk memperbaiki tatabahasa, ataupun ianya sesuai dengan pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa yang lebih tinggi tahapnya.

Pada dasarnya objektif pembelajaran bahasa Jepun di UiTM lebih menekankan kemahiran komunikasi. Namun di dapati ujian-ujian yang dibuat bagi menilai komunikasi pelajar tidaklah begitu mencabar. Antara penilaian yang dibuat ialah pelajar diwajibkan berlakon dan membuat persembahan perseorangan dengan skrip berdasarkan apa yang dipelajari. Penilaian tidak dibuat pada komunikasi bebas yang memerlukan mereka berfikir secara kreatif. Kosa kata yang ada dalam silibus tidak begitu mencabar dan struktur ayat juga adalah yang terancang. Dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan, jawapan-jawapan lebih kepada jawapan yang berstruktur. Ini menyebabkan strategi gantian tidak penting bagi pelajar. Oleh itu pihak penggubal kurikulum dan silibus harus memikirkan untuk menyemak semula silibus dan mengubah cara penilaian.

Pada amnya pelajar yang bermotivasi dari sudut psikologinya adalah pelajar yang bersedia untuk belajar dan seharusnya digandingkan dengan latihan strategi pembelajaran. Pelajar-pelajar bahasa Jepun UiTM yang bermotivasi ini seharusnya digalakkan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran dengan lebih optima lagi. Latihan strategi pembelajaran menolong pelajar memahami apa dia strategi pembelajaran, bagaimana strategi itu digunakan untuk menyelesaikan masalah dan bagaimana mengawal dan menentukan pencapaian.

Kesedaran tentang keperluan strategi dalam pembelajaran kepada pelajar harus dilakukan agar dapat memberi satu perspektif baru tentang potensi pembelajaran

mereka. Pengalaman akademik yang positif sudah pastinya akan dapat mempertingkatkan lagi kepuasan dalam diri mereka.

### **5.2.2 Implikasi kepada pensyarah**

Pensyarah bahasa Jepun di UiTM patut menyedari bahawa tidak ada satu strategi pembelajaran khusus yang dipakai oleh pelajar bahasa Jepun di sini. Semua pelajar boleh menggunakan apa-apa strategi yang bersesuaian dengan diri mereka. Pencapaian pelajar bahasa Jepun, boleh dibanggakan walaupun didapati pelajar tidak pun menggunakan mana-mana satu strategi secara total. Oleh sebab itu pensyarah-pensyarah tidak patut menyalahkan mana-mana strategi yang digunakan oleh pelajar. Sebaliknya pensyarah harus menggalakkan dan memberi panduan bagaimana menggunakan sesuatu strategi secara efektif supaya strategi yang digunakan mendatangkan hasil lebih baik dan seterusnya kejayaan kepada pelajar.

Hasil dari dapatan ini menunjukkan pelajar-pelajar bahasa Jepun di UiTM Shah Alam, gemar menggunakan strategi metakognitif dalam pembelajaran mereka. Dengan itu, pensyarah-pensyarah boleh memikirkan tentang pengajaran berdasarkan aktiviti-aktiviti ke arah pembelajaran metakognitif di dalam dan juga di luar kelas. Ini akan menambahkan lagi inspirasi dan motivasi mereka. Motivasi yang tinggi akan menghasilkan pencapaian yang baik. Jadilah pensyarah yang seperti apa yang dikatakan oleh William Arthur ward (2004), penulis amerika yang terkenal dengan frasa-frasa yang boleh memberi motivasi:

*“The mediocre teacher tells: the good teacher explain,  
superior teacher demonstrates. The GREAT teacher inspires”*

Untuk menanamkan minat dan keseronokan belajar bahasa Jepun, pensyarah harus lagi lebih kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan teknik pengajaran untuk input yang lebih komprehensif dan menerbitkan persekitaran bahasa sasaran yang ceria dan menggalakkan. Bahan bacaan mestilah sesuatu yang menarik, bersesuaian, mencabar dan selari dengan perkembangan kognitif pelajar. Bahan bacaan yang menarik boleh dijadikan satu pengkayaan dalam pembelajaran dan dapat menggantikan latihan-latihan yang berdasarkan tatabahasa yang agak stereotaip dan hambar. Lain-lain aktiviti yang berkesan termasuklah menulis karangan kerana ianya menggalakkan penglibatan pelajar secara peribadi dan kreatif.

Salah satu ‘*trend*’ pembelajaran sekarang ialah ‘*learner-based*’. Stail pengajaran ini lebih memberi tumpuan kepada pelajar di mana tenaga pengajar mengajar pelajar bagaimana untuk belajar. Ini dipercayai memberi impak yang baik terhadap penguasaan bahasa asing pelajar. Menurut Wenden(1985), strategi pembelajaran adalah kunci kepada otonomi pelajar. Oxford (1994), menyenaraikan beberapa prinsip bagi melatih strategi pembelajaran. Antara latihan-latihannya ialah:

- Latihan seharusnya berdasarkan keperluan, sikap dan kepercayaan pelajar.
- Pilihan strategi harus fleksibel dengan kesesuaian tugas, tujuan pelajar, dan stail pembelajaran pelajar.
- Latihan harus beserta dengan penerangan, nota-nota, aktiviti-aktiviti, *brainstorming*, dan bahan-bahan sebagai rujukan.
- Latihan lebih bersifat perseorangan (*individualized*) kerana setiap seorang mempunyai pendekatan yang berbeza dalam menangani sesuatu masalah.
- Latihan haruslah juga menyediakan pelajar dengan mekanisma yang membolehkan mereka menilai kemajuan dan menilai kejayaan latihan mereka.

Tujuan latihan tentang strategi pembelajaran ini ialah supaya pelajar tidak hanya tertumpu kepada satu jenis strategi, tetapi lebih kepada menggalakan pelajar supaya lebih aktif, *autonomous*, mempunyai arah tersendiri (*self-directed*) dan boleh mengetahui apakah strategi yang terbaik dan sesuai untuk pembelajaran mereka.

### **5.2.3 Cadangan kepada polisi**

Format peperiksaan yang ada sekarang lebih kepada struktur yang terkawal. Batasan cara penilaian yang terhad bukan sahaja menghalang perkembangan pembelajaran, lebih-lebih lagi kebolehan berkomunikasi. Oleh itu penilaian pelajar seharusnya bukan sahaja berdasarkan ujian tulisan secara formal. Tugasan dan kerja-kerja latihan yang mengeluarkan kreativiti pelajar patut diimplementasikan.

Pelajar-pelajar bahasa Jepun UiTm seharusnya didedahkan kepada suasana pembelajaran yang lebih baik dan mencabar dengan input yang lebih komprehesif di samping menyediakan peluang-peluang bagi mereka menggunakan apa yang mereka pelajari supaya mereka dapat menggunakan lagi strategi pembelajaran mereka dengan optimum. Aktiviti-aktiviti luar kelas akan dapat menolong penguasaan bahasa Jepun secara semulajadi dan membantu pelajar mengekalkan motivasi mereka untuk belajar bahasa Jepun. Aktiviti-aktiviti berikut adalah di antara cadangan yang mampu meningkatkan pendedahan pelajar terhadap bahasa Jepun:

1. Minggu Bahasa Jepun
2. Pertandingan Kuiz Bahasa Jepun
3. Lawatan ke rumah orang Jepun di Malaysia
4. Program interaksi dengan rakyat Jepun
5. Aktiviti-aktiviti simulasi
6. “*home-stay/home visit*”

Menurut Krashen (1982), dalam pembelajaran bahasa asing, pelajar dewasa tidak mempelajari (*learn*) bahasa sebaliknya mereka menguasai (*acquire*) bahasa. Bagi Krashen, penguasaan adalah lebih penting dari pembelajaran. Dalam proses menguasai bahasa, pelajar-pelajar harus ada kemahiran berkomunikasi. Ini tidak terjadi di kalangan pelajar UiTM kerana fokus mereka hanya terhadap hafalan untuk lulus di dalam peperiksaan. Mereka berjaya dalam subjek ini kerana mereka berjaya dalam pembelajaran tetapi tidak dalam penguasaan.

Oleh itu kurikulum, sibus dan penilaian bagi kursus Bahasa Jepun haruslah lebih mencabar lagi supaya pelajar-pelajar dapat mempraktikkan komunikasi di dalam bahasa asing tersebut. Dengan cara ini, pelajar akan benar-benar ‘menguasai’ bahasa asing ini. Seperti mana menurut Krashen (1985) lagi, penguasaan haruslah dengan pemerosesan bahasa di tahap yang lebih tinggi sedikit dari kebolehan mereka. ‘Kecekapan kini +1’. ( $i+1$ ) yang diajukan oleh Krashen menyatakan pelajar bahasa asing dianggap mengalami suatu perkembangan dari tahap  $i$  (kompetensi sekarang) menuju tahapan  $i + 1$ . Dicadangkan kepada penggubal kurikulum di Akademik Bahasa di UiTM supaya merangka kurikulum lebih bersifat kepada dunia sebenar atau dikenali sebagai “*authentic real-life language*”. Ini boleh membuatkan kursus Bahasa Jepun lebih menarik dan realistik.

Penulis menyarankan sumber buku teks perlu di pertingkatkan. Buku teks yang selama ini di hasilkan oleh pensyarah bahasa Jepun di Akademik Bahasa perlu dinilai oleh panel badan penulisan tempatan dan juga dari Negara Jepun, serta pakar bahasa Jepun (penutur natif dan bukan penutur natif). Dengan ini tahap kesulitan atau cabaran boleh disesuaikan seperti formula yang diberikan oleh Krashen.

Dalam pembelajaran, pensyarah harus memberikan berbagai macam tugas yang harus dilakukan oleh pelajar supaya wujud respon atas bahan pembelajaran yang diberikan. Selama ini tugas yang diberikan lebih mengarah pada penguasaan tatabahasa (*grammatical content*) dan kosa kata (*lexical content*) dan tidak kepada kemahiran wacana dan retorik (*discourse and rhetorical skills*). Perseimbangan di antara kedua-dua aspek ini harus difikirkan kerana di dapati penguasaan kepada *grammatical content* dan *lexical content* adalah tugas yang jauh dari kegiatan komunikasi. Penguasaan tatabahasa dan leksikal ini walaupun baik tetapi mempunyai tahap keaslian (*authentic*) yang sangat rendah.

### **5.3 Kajian Lanjutan**

Kajian ini telah dijalankan mengikut batasan-batasan kajian yang telah ditetapkan penulis, Oleh itu ianya agak terhad dari aspek bilangan data. Kajian ini telah dijalankan ke atas beberapa orang pelajar yang dipilih secara rawak di UiTM Shah Alam. Ianya tidak menggambarkan dapatan secara keseluruhan pelajar-pelajar di UiTM, tentang pemilihan strategi pembelajaran, jenis motivasi dan hubungkait antara strategi pembelajaran dengan motivasi dan pencapaian bagi pelajar-pelajar yang mengambil subjek bahasa Jepun di seluruh institusi di Malaysia.

Di UiTM induk Shah Alam, pelajar-pelajar mengambil subjek ini sebagai matapelajaran elektif wajib. Kajian harus juga dibuat kepada pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai persediaan ke Jepun. Pelajar-pelajar yang mengikuti kursus persediaan ini ialah seperti pelajar-pelajar di kampus cawangan International Education Centre (INTEC) Seksyen 17, UiTM dan pelajar-pelajar di Universiti Malaya yang sedang mengikuti program Ambang Asuhan Jepun. Pada bulan Mac 2009 sekumpulan pelajar teknikal juga mula mengikuti kursus persediaan di INTEC,

seksyen 17, sebagai persediaan sebelum ke Jepun. Kumpulan pelajar sebegini perlu diambil kira dalam kajian akan datang. Kajian perbandingan penggunaan strategi pembelajaran di antara dua kumpulan ini iaitu bahasa Jepun sebagai matapelajaran elektif wajib dan bahasa Jepun sebagai matapelajaran wajib (kursus persediaan ke Jepun) boleh dilakukan. Apakah terdapat tahap motivasi yang berbeza di antara kedua-dua kumpulan ini dan bagaimakah hubungkait di antara motivasi dengan strategi pembelajaran serta apakah faktor yang mempengaruhi pencapaian mereka.

Seperti yang diketahui, UiTM cuma mendaftarkan pelajar-pelajar bumiputera sahaja. Dengan mengambil pelajar-pelajar dari Institut Pengajian Tinggi lain sebagai subjek kajian, dapatan akan lebih meluas dengan mengambilkira pelajar-pelajar dari bangsa Cina, India dan yang lain-lain.

Di samping itu instrument kajian boleh ditambah dengan teknik-teknik lain bagi menguatkan dapatan kajian. Satu cara adalah menggunakan teknik temuduga di mana pengkaji akan dapat menyelami kesukaran atau kesulitan yang dihadapi pelajar apabila mempelajari bahasa Jepun. Teknik pemerhatian juga boleh digunakan di mana penyelidik membuat pemerhatian di dalam bilik kuliah untuk memerhati bagaimana pelajar-pelajar mengalami proses pembelajaran dan penguasaan bahasa Jepun.

Apa yang dibincangkan dengan kesimpulan kajian di atas bukan sahaja akan menjadi panduan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun sahaja bahkan ianya akan juga menjadi panduan kepada semua peringkat ahli-ahli akademik. Kemungkinan selama ini kita kurang sedar bahawa strategi pembelajaran dan motivasi memainkan peranan penting dalam kemajuan pembelajaran, maka seharusnya dalam pendidikan moden dan pantas hari ini strategi pembelajaran perlu lebih di tonjolkan dalam erti kata ianya boleh dipelajari, dipupuk dan diamalkan.